Lembaga Peperiksaan Malaysia

# KUPASAN MUTU JAWAPAN

## BAHASA MELAYU 2

1103/2

## SPM

TAHUN 2012

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## PRESTASI KESELURUHAN

Kualiti jawapan pada keseluruhannya pada tahap baik. Calon dapat menguasai kemahiran berbahasa seperti yang diharapkan. Jawapan yang diberikan memenuhi kehendak atau tugasan soalan. Pada amnya calon dapat menguasai sistem ejaan Bahasa Melayu. Penguasaan aspek tatabahasa dan pembinaan ayat juga dapat dikuasai. Aspek komponen sastera juga menunjukkan pemahaman terhadap karya yang dipelajari. Penyampaian jawapan menunjukkan kematangan berfikir dalam kalangan calon dan isi yang dikemukakan jelas mengikut kehendak soalan.

## PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

### Calon Kumpulan Tinggi

Jawapan yang dikemukakan menepati kehendak soalan. Calon menghuraikan jawapan dengan terperinci, jelas dan tepat. Jawapan mudah difahami kerana persembahan jawapan yang lancar dan menggunakan bahasa yang gramatis serta kesalahan bahasa yang minimum.

### Calon Kumpulan Sederhana

Jawapan masih memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci dan tidak lengkap. Penyampaian masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan dari segi tatabahasa.

### Calon Kumpulan Lemah

Calon hanya menjawab soalan yang tertentu sahaja. Jawapan pula tidak tepat atau bercampur-aduk antara jawapan betul dan salah. Terdapat jawapan yang menyimpang daripada kehendak sebenar soalan. Penyampaian kurang lancar dan kurang tersusun serta mengandungi banyak kesalahan ejaan dan tatabahasa. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk memahami maksud jawapan sebenar yang ditulis.

## PRESTASI TERPERINCI BAGI SETIAP SOALAN

### Soalan 1 (Rumusan)

**Soalan 1 : Rumusan**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang* **faktor-faktor pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan** *dan* **faedah-faedah industri pelancongan kesihatan kepada negara kita.** *Panjangnya rumusan hendaklah* **tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Bersesuaian dengan langkah transformasi ekonomi negara yang memerlukan pendekatan dan *strategi menyeluruh*, kerajaan melaksanakan usaha sama dalam pelbagai bidang yang menjadi teras ekonomi negara. Kerjasama yang terjalin antara sektor kesihatan dengan sektor pelancongan telah merancakkan industri pelancongan kesihatan, iaitu lebih banyak pelancong dari serata dunia berkunjung ke Malaysia bagi mencari penawar untuk pelbagai masalah kesihatan selain memenuhi agenda pelancongan mereka. Hal ini dipengaruhi oleh faktor kebanyakan hospital di negara ini mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai tahap kualiti perubatan yang tinggi, Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menarik lebih banyak pelancong kesihatan. Hal ini demikian kerana negara kita sememangnya mampu menyediakan perkhidmatan pelancongan kesihatan yang terbaik dan seterusnya menjadi peneraju industri ini di rantau Asia Tenggara. Kemajuan dalam perkhidmatan perubatan swasta merupakan elemen bernilai tambah yang mempunyai potensi untuk menjadi sumber penjanaan perkhidmatan tersebut. Selain itu, negara kita mempunyai pakar perubatan antara yang terbaik di dunia. Tambahan pula, caj rawatan di sini lebih murah berbanding dengan negara maju.

Keyakinan pelancong kesihatan terhadap mutu rawatan di negara kita didorong oleh pengiktirafan Kualiti Kesihatan Persatuan Perubatan Malaysia (MSQH) serta standard MS ISO9002. Pengiktirafan tersebut dimiliki oleh pengamal perubatan tempatan yang memenuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sehubungan dengan itu, Malaysia amat sesuai sebagai destinasi pelancongan kesihatan kerana terdapat banyak pusat perubatan persendirian yang lengkap dengan peralatan canggih dan doktor pakar yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi. Lebih istimewa, pusat perubatan swasta di Malaysia menawarkan pelbagai pilihan penginapan kerana kos penginapan hospital bergantung pada pilihan pesakit sama ada mahu memilih penginapan yang mewah atau penginapan yang selesa dengan bayaran yang berpatutan. Para pelancong kesihatan turut mendapat layanan bertaraf dunia daripada pusat perubatan swasta tempatan.

Bagi memperkasakan industri ini agar lebih berdaya saing dan menawarkan perkhidmatan yang relevan dengan keperluan semasa, KKM telah memperuntukkan undang-undang baharu untuk mentadbir penjagaan kesihatan. Usaha penambahbaikan sektor pelancongan kesihatan melibatkan pemberian kuasa tambahan kepada Majlis Kesihatan Malaysia sekali gus akan mempertingkatkan fungsinya. Bagi memastikan jumlah pelancong kesihatan meningkat dalam kadar yang lebih tinggi dari tahun ke tahun, kerajaan mengkaji kemungkinan untuk meminda undang-undang agar dapat membantu pengamal perubatan mempromosikan perkhidmatan mereka di luar negara.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Sinergi Sektor Kesihatan dengan Pelancongan'
oleh Hanafi Timan,
*Dewan Ekonomi*, Oktober 2010)

Soalan ini meminta calon menghasilkan rumusan yang terdiri daripada isi pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan.

**PENDAHULUAN**

Bahagian soalan ini meminta calon membaca, memahami dan memproses maklumat yang terdapat dalam petikan dan membuat satu pernyataan yang tepat berdasarkan fokus atau isu utama dalam petikan.

**Calon Cemerlang**


Petikan membincangkan sebab-sebab pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan di peringkat antarabangsa.

Calon cemerlang berjaya mengemukakan fokus isu yang lengkap dan tepat. Jawapan yang diberikan meliputi arahan isi tersurat dan keterangan yang sesuai.

**Calon Sederhana**


RUMUSAN

Petikan membincangkan sebab-sebab pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan terhadap ekonomi negara.

Calon menjawab soalan, namun jawapan yang diberikan kurang lengkap atau kurang tepat. Jawapan yang betul hanyalah pada arahan isi tersurat sahaja dan kurang tepat pada keterangan tambahan.

**Calon Lemah**


Petikan Membincangkan faktor-faktor pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.

Calon salah mentafsir kehendak sebenar soalan. Keadaan ini menunjukkan kegagalan memahami idea keseluruhan dalam petikan yang perlu dirumus dalam satu penyataan pada perenggan pendahuluan. Jawapan yang diberikan mengekalkan arahan asal soalan.

## SI TERSURAT

### Calon Cemerlang

Antara faktor tersebut ialah kebanyakan hospital di Malaysia mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Selain itu, Malaysia mempunyai tahap kualiti perubatan yang tinggi. Seterusnya, negara ini turut mempunyai pakar perubatan antara yang terbaik di dunia. Selanjutnya, caj rawatan di sini lebih murah berbanding dengan negara maju. Di Malaysia juga terdapat banyak pusat perubatan persendirian yang lengkap dengan peralatan canggih dan doktor pakar yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi. Bahkan, pusat perubatan swasta di Malaysia menawarkan pelbagai pilihan penginapan.

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti dan seterusnya menyenaraikan isi-isi tersurat daripada petikan. Calon dapat menulis dengan jelas dalam satu perenggan. Setiap isi jawapan ditulis dalam satu ayat. Jawapan yang diberikan menunjukkan pemahaman terhadap isi-isi tersurat yang menyokong penyataan idea utama dalam pendahuluan. Jawapan diberikan menggunakan ayat yang gramatis.

### Calon Sederhana

Antara faktor-faktor pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan ialah memenuhi agenda pelancongan. Selain itu, Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menarik lebih banyak pelancong kesihatan. Di samping itu, kemajuan dalam perkhidmatan perubatan swasta. Seterusnya, negara kita mempunyai pakar perubatan antara yang terbaik di dunia. Selain itu, negara banyak pusat perubatan persendirian yang lengkap dengan peralatan canggih dan doktor pakar yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi. Seterusnya, negara mendapat layanan bertaraf dunia.

Calon masih dapat mengesan isi tersurat dalam petikan, namun bilangan isi tersurat yang dikemukakan tidak mencukupi. Jawapan lebih kepada menyalin ayat daripada petikan yang bukan merupakan isi tersurat yang dikehendaki.

**Calon Lemah**

. bersesuaian dengan langkah transformasi
ekonomi negara yang memerlukan pendekatan dan strategi menyeluruh,
kerajaan melaksanakan usaha semua dalam pelbagai bidang yang menjadi
teras ekonomi negara. Hal ini demikian kerana negara kita sememangnya akan
menyediakan perkhidmatan pelancongan kesihatan yang terbaik dan seterusnya
menjadi peneraju industri ini di rantau Asia Tenggara. Selain itu, Malaysia
amat sesuai sebagai destinasi pelancongan kesihatan kerana terdapat banyak
pusat perubatan persendirian yang lengkap dengan peralatan canggih dan doktor
pakar yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi. Matlamat penambahbaikan
sektor pelancongan kesihatan melibatkan pemberian kuasa tambahan kepada
Majlis Kesihatan Malaysia sekali gus akan mempertingkatkan fungsinya.
Kerajaan mengkaji kemungkinan untuk meminda undang-undang akan
membantu pengamal perubatan mempromosikan perkhidmatan mereka di luar negara.

Calon tidak dapat mengesan isi tersurat yang terdapat dalam petikan. Terdapat jawapan yang diberikan yang bukan isi tersurat yang merupakan huraian isi. Calon juga cenderung menyalin petikan asal dan tiada isi tersurat dalam petikan tersebut. Selain itu, ayat yang dibina tidak gramatis.

**ISI TERSIRAT**

**Calon Cemerlang**

> Antara faedah industri pelancongan kesihatan kepada negara kita ialah memajukan ekonomi negara, meningkatkan martabat negara di mata dunia, memajukan industri kesihatan dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Calon cemerlang dapat memahami kehendak soalan dan dapat mengemukakan isi tersirat yang tepat seperti yang dikehendaki oleh soalan. Jawapan yang diberikan menjelaskan faedah industri pelancongan kesihatan kepada negara. Hal ini demikian menunjukkan kemampuan calon untuk berfikir secara kritis dan kreatif.

**Calon Sederhana**

> Faedah-faedah industri pelancongan kesihatan kepada negara kita. Tidak mudah jadal sakit dan ekonomi negara kita akan meningkat.

Calon masih dapat mengemukakan jawapan, namun sebahagian jawapan menyimpang daripada kehendak soalan.

**Calon Lemah**

> Antaraya faedah-faedah, Menyakini doktor-doktor Mempuyai Pakar perubatan antara yang terbaik di dunia, Melakukan perubatan yang bermutu tinggi; Faedah Menolong rakyat 1 malaysia.

Jawapan yang diberikan salah dan hanya menyalin ayat-ayat dalam petikan semula sebagai isi jawapan. Ayat yang digunakan tidak gramatis.

## KESIMPULAN

### Calon Cemerlang

kesimpulannya, pelbagai pihak perlu menggembleng tenaga yang intensif bagi mempertingkat ~~pencapaian Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan~~ industri pelancongan kesihatan di negara Malaysia.

Jawapan yang diberikan mengemukakan kesimpulan rumusan dengan memberikan cadangan atau harapan yang tepat sebagai penutup dan diikuti implikasi atau kesan cadangan tersebut dengan tepat.

### Calon Sederhana

Kesimpulannya, kita haruslah berusaha memajukan industri pelancongan kesihatan supaya ekonomi negara kita dapat dibangunkan.

Jawapan kesimpulan yang diberikan kurang lengkap dan hanya memberikan cadangan tetapi tidak diikuti dengan kesan cadangan.

### Calon Lemah

kesimpulannya, pihak kerajaan haruslah mempromosi pelancongan di luar negara agar negara asing boleh mendapat maklumat tentang negara kita.

Jawapan yang dikemukakan tidak menunjukkan pemahaman terhadap kandungan petikan. Calon juga meninggalkan perkataan penting iaitu perkataan kesihatan yang perlu ada dalam jawapan iaitu pelancongan kesihatan.

**Soalan 2 (Pemahaman)**

**Soalan 2 (a) Petikan umum**

**Soalan 2(*a*) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan* **Soalan 1**, *jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

(i) Apakah maksud rangkai kata *strategi menyeluruh*?

(ii) Pengarang menyatakan beberapa usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan kesihatan.

Nyatakan usaha-usaha tersebut.

(iii) Jelaskan pendapat anda tentang **dua** peranan pihak media untuk memajukan industri pelancongan kesihatan di negara ini.

Soalan bahagian ini meminta calon menjawab tiga pecahan soalan yang berdasarkan petikan rumusan.

**Calon Cemerlang**

1. Maksud rangkai kata strategi menyeluruh ialah kaedah yang merangkumi segala ~~[illegible]~~ aspek.

2. Usaha-usaha kerajaan untuk memajukan ~~sektor-sektor~~ sektor pelancongan kesihatan ialah KMM telah memperuntukkan undang-undang baharu untuk ~~mentadbir~~ mentadbir penjagaan kesihatan - ~~serta melaku~~ kerajaan. melakukan usaha penambahbaikan sektor pelancongan kesihatan melibatkan pemberian kuasa tambahan kepada Majlis Kesihatan Malaysia. Seterusnya, kerajaan mengkaji kemungkinan untuk meminda undang-undang agar dapat membantu pengamal perubatan mempromosikan perkhidmatan ~~perkl~~ mereka di luar negara.

3. Pendapat saya ~~tenta~~ tentang peranan pihak media untuk memajukan industri pelancongan kesihatan di negara ini ialah mengadakan iklan mengenai kebaikan industri pelancongan kesihatan. Hal ini dapat menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang tersebut dan seterusnya ~~mem~~ memajukannya. Selain itu, pihak media ~~luar~~ di negara ini perlu mengadakan kerjasama dengan pihak media di negara yang lain bagi mempromosikan Malaysia sebagai ~~di~~ sebuah destinasi pelancongan kesihatan. Hal ini akan membuatkan pelancong tertarik dan datang melancong di negara kita seterusnya memajukan lagi industri pelancongan kesihatan.

Calon menjawab soalan dengan menggunakan bahasa yang gramatis sama ada dari segi imbuhan, pemilihan kosa kata, binaan frasa, struktur ayat mahupun penggunaan tanda baca dan sistem ejaan baru. Jawapan yang diberikan mencukupi, jelas dan tepat. Calon juga benar-benar memahami maksud, idea dan isi dalam petikan serta dapat memproses maklumat berdasarkan petikan. Calon berkebolehan mengolah dan menyusun jawapan dengan cara yang teratur.

**Calon Sederhana**

(i) maksud rangkai kata strategi menyeluruh ialah menghabiskan semua sesuatu dan menauhikan tentang negara malaysia di semua negara.

(ii) Usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan kesihatan ialah meminda undang-undang. Selain itu, mempromosikan perkhidmatan mereka di luar negara. Akhir sekali, membantu pengamal perubatan.

(iii) Pendapat saya, tentang peranan pihak media untuk memajukan industri pelancongan kesihatan di negara ini ialah memaparkan ~~media~~ ~~-~~ tentang industri pelancongan kesihatan di television, radio dan akhbar. Selain itu, memperkenalkan doktor-doktor pakar yang berpengalaman dan berpengetahuan melalui media massa.

Jawapan calon kurang lengkap dari aspek bilangan isi, namun ayat masih gramatis dari aspek tatabahasa. Terdapat juga calon yang mengemukakan bilangan isi yang cukup, namun ayat tidak gramatis.

**Calon Lemah**

i) Maksud rangkai kata strategi menyeluruh ialah program yang lebih faham dan sudah dipilih yang paling baik.

ii) Usaha-usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan kesihatan adalah

a) melaksanakan usaha sama ada dalam pelbagai bidang yang menjadi teras ekonomi negara.

b) Malaysia dapat banyak pusat perubatan persendirian yang lengkap dengan peralatan canggih dan doktor pakar yang berpengetahuan tinggi.

c) Usaha penambahbaikan sektor pelancongan kesihatan melibatkan pemberian kuasa tambahan kepada Majlis Kesihatan Malaysia.

iii) Pada pendapat saya, saya akan mempromosikan tempat-tempat perindahan kepada pihak media. Selain itu, saya juga akan membawa ~~mere~~ pihak media untuk berkunjung industri pelancongan kesihatan negara ini yang istimewa.

Calon memberikan jawapan yang salah iaitu memberikan isi tersurat sebagai jawapan pemahaman. Jawapan bagi soalan kemahiran berfikir tidak tepat. Ayat yang digunakan tidak gramatis.

**Soalan 2 (b) Petikan cerpen**

**Soalan 2(*b*) – Petikan Prosa Moden**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Ajam, Bakar, Melati, Budi!" Mak Tua yang sedari tadi sibuk melayan kerenah cucu-cucunya ikut bercakap. "Kamu dah cari pekerja untuk menjaga dusun dan hutan ini? Sekarang ni pencuri kayu balak makin menjadi-jadi. Kalau tak dijaga, nanti habis pula kayu balak dalam hutan ini dicuri oleh mereka."

"Dah, mak. Kami dah cari. Awal bulan depan mulalah mereka bekerja," sahut Bakar.

"Kami rancang nak buka bidang kerja barulah, pak, mak," ujar Melati. "Kami nak ceburi bidang pelancongan. Kalau tengok keadaannya, hutan simpan bapa ini ada potensi untuk dijadikan kawasan pelancongan."

"Betul," Budi menyokong. "Aliran sungai kecil di tengah hutan itu bolehlah kita perbesar untuk dijadikan kolam memancing ikan."

"Saya fikir pun begitu. Banyak kerja yang perlu kita buat. Saya rasa ..." Melati berfikir-fikir. "Bolehlah kita tiru kawasan pelancongan seperti Lembah Danum di Lahad Datu, Sulaman Resort di Tuaran, atau kita tiru seperti Sukau," Melati menambah dengan bersemangat.

"Usaha seperti itu perlukan modal besar," pintas Bakar.

"Kita boleh keluarkan modal bersama-sama. Kita jadikan usaha ini satu perniagaan keluarga," Budi memberi saranan.

(Dipetik daripada
cerpen 'Hutan Rimba'
oleh Sasjira
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Nyatakan ciri yang menyebabkan hutan simpan milik bapa berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan.

(ii) Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh keluarga Melati untuk membuka pusat pelancongan?

(iii) Huraikan **satu** nilai kemanusiaan dalam petikan cerpen di atas dan **satu** nilai kemanusiaan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

Soalan bahagian ini meminta calon menjawab tiga pecahan soalan yang berdasarkan petikan cerpen.

**Calon Cemerlang**

i. Antara ciri yang menyebabkan hutan simpan milik bapa berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan merupakan mempunyai aliran sungai kecil di tengah hutan yang boleh diperbesarkan untuk dijadikan kolam memancing ikan.

ii. Antara cabaran yang dihadapi oleh keluarga Melati untuk membuka pusat pelancongan ialah masalah kewangan yang hendak digunakan untuk dijadikan modal. Selain itu, keluarga Melati juga ~~mengt~~ mungkin tidak mendapat keizinan daripada bapa ~~Me~~ mereka iaitu Pak Tua. Seterusnya, pusat pelancongan. keluarga Melati mempunyai cabaran yang hebat apabila sektor ini tidak mendapat sambutan hangat oleh masyarakat sekeliling. Di samping itu, cabaran yang bakal dihadapi ialah masalah kekurangan tenaga kerja.

iii. Satu nilai ~~kerja~~ kemanusiaan dalam petikan cerpen ~~diat~~ di atas ialah nilai bekerjasama. Melati dan adik-beradiknya bekerjasama ingin mengeluarkan modal bagi menjadikan hutan simpan Pak Tua sebagai kawasan pelancongan.

Satu nilai kemanusian lain daripada cerpen ialah nilai tanggungjawab. Misalnya, Pak Tuo bertanggungjawab untuk membiayai kos pembelajaran anak-anaknya dengan mencari rezeki yang halal secara bersungguh-sungguh.

Calon dapat memberikan jawapan yang tepat berdasarkan kehendak soalan. Isi jawapan melebihi bilangan isi seperti kehendak soalan. Hal ini menunjukkan pemahaman terhadap arahan soalan dan kandungan cerita dalam petikan cerpen. Pemahaman terhadap cerita memudahkan calon untuk menjawab soalan dengan baik dan berkesan. Ayat yang digunakan juga gramatis.

**Calon Sederhana**

b) i) Nyatakan ciri yang menyebabkan hutan simpan milik bapa berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan.

mempunyai dusun dan aliran sungai kecil di tengah hutan yang ingin diperbesarkan menjadi kolam memancing.

ii) Antara cabaran yang akan dihadapi ialah masalah modal yang besar. Terdapat juga masalah mempromosikan pusat pelancongan. Mereka juga akan menghadapi masalah untuk mencari pekerja.

iii) ~~Masyarakat~~

manusia yang bekerjasama. Contohnya budi memberi saranan kepada adik beradik untuk bersama-sama mengeluarkan modal untuk menjayakan pusat pelancongan. manusia yang cintakan hutan, contohnya Pak tua menyesali perbuatannya menyondol hutan.

Jawapan kurang lengkap dari aspek bilangan isi namun ayat masih gramatis dari aspek tatabahasa.  Terdapat juga calon yang mengemukakan bilangan isi yang cukup, namun jawapan yang diberikan kurang tepat dan ayat tidak gramatis.

**Calon Lemah**

(i) Ciri yang menyebabkan hutan simpan milik bapa berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan ialah ~~p~~ kerana pencuri kayu balak makin menjadi-jadi dan ceburi bidang pelancongan.

(ii) Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh keluarga Melati untuk membuka pusat pelancongan ialah banyak kerja. Selain itu, memerlukan modal besar. Akhir sekali, keluarkan modal bersama-sama.

(iii) Satu nilai kemanusiaan dalam petikan cerpen di atas nilai bertanggungjawab. Contohnya mengeluarkan modal besar untuk perniagaan. Satu nilai kemanusiaan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan ialah nilai Amanah. Contohnya tiru kawasan pelancongan seperti Lembah Danum di Lahad Datu, Sulaman Resort di Tuaran, atau tiru seperti sukau.

Calon memberikan jawapan yang salah iaitu menyalin ayat-ayat dalam petikan. Tiada sebarang isi dalam jawapan yang diberikan. Bagi soalan 2(b) (ii) dan 2(b) (iii), kebanyakan calon hanya memberikan satu sahaja jawapan yang betul atau memberi dua isi tetapi bersifat setara walaupun dikemukakan dalam ayat yang gramatis.

**Soalan 2(c) Petikan prosa klasik**

**Soalan 2(*c*) – Petikan Prosa Tradisional**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Orang suruhan Merah Gajah segera memberitahu ayahanda Raja Muhammad. Ujar hamba sahaya itu, "Ya tuanku, paduka anakanda tuan kami, Puteri Betong telah hilanglah sebab dibantunnya oleh Merah Gajah sehelai rambutnya di tengah kepalanya!" Setelah Raja Muhammad mendengar khabar inang itu baginda merasa amat marah. Baginda menghimpunkan segala askar pergi mendapatkan Merah Gajah lalu dibunuhnya.

Setelah Merah Gajah mati, segera orang memberitahu ayahanda Merah Gajah, Raja Ahmad. Kata mereka, "Wah tuanku paduka, anakanda Merah Gajah itu telah mati dibunuh oleh mentuanya sebab ia membantunkan rambut sehelai yang di tengah-tengah kepala Puteri Betong! Pada fikiran anakanda Merah Gajah perbuatannya itu tiada akan mati Puteri Betong kerana mencabut rambut yang berwarna keemasan itu."

Sebaik mendengar khabar itu, Raja Ahmad menghempaskan dirinya, mengoyak-ngoyak baju serta mencarik-carik kainnya. Raja Ahmad pun terlalu marah. Dengan serta-merta baginda menghimpunkan segala askar lengkap dengan segala senjatanya.

Maka pada ketika yang baik, Raja Ahmad pergi menemui Raja Muhammad. Apabila berhadapan askar kedua-dua itu, mereka pun berperang.

(Dipetik daripada
'Merah Silu'
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Mengapakah Raja Muhammad membunuh Merah Gajah?

(ii) Apakah reaksi Raja Ahmad setelah mendengar berita kematian Merah Gajah?

(iii) Sekiranya anda Raja Muhammad, apakah tindakan-tindakan yang akan anda ambil untuk mengelakkan peperangan dengan Raja Ahmad?

Soalan bahagian ini meminta calon menjawab tiga pecahan soalan berdasarkan petikan prosa klasik.

**Calon Cemerlang**

(i) Raja Muhammad bertindak membunuh Merah Gajah kerana Merah Gajah telah bertanggungjawab ~~dt~~ atas kematian anakanda Raja Muhammad, Puteri Betong setelah Merah Gajah mencabut sehelai rambut di kepala Puteri Betong.

(ii) Setelah mendengar berita kematian Merah Gajah, Raja Ahmad berasa terlalu marah sehingga baginda mengoyak-ngoyak baju serta mencarik-carik kainnya. Seterusnya, baginda telah menghimpunkan askar-askarnya dengan kelengkapan senjata sebelum pergi menemui Raja Muhammad. Raja Ahmad telah mengarahkan tenteranya untuk menyerang lalu peperangan telah tercetus.

(iii) Sekiranya saya sebagai Raja Muhammad, ~~Ania~~ antara tindakan yang akan saya ambil untuk mengelakkan peperangan dengan Raja Ahmad adalah meminta maaf atas tindakan saya secara melulu ~~dalam~~ sehingga membunuh ~~merah s~~ Merah Gajah dalam keadaan marah, menjelaskan perkara yang sebenar tentang kesalahan Merah Gajah yang telah dilakukan sehingga menyebabkan kematian Puteri Betong ataupun menyerah diri kepada Raja Ahmad bagi mengelakkan pertempuran yang besar berlaku sehingga memudaratkan golongan yang tidak bersalah.

Calon dapat memahami kehendak soalan dan mengesan jawapan dalam petikan prosa klasik dan berupaya memberikan dua atau lebih jawapan yang tepat berserta huraian. Calon dapat menjawab soalan kemahiran berfikir dengan tepat serta berjaya memberikan idea yang menunjukkan kematangan berfikir yang tinggi. Ayat yang digunakan gramatis.

**Calon Sederhana**



c) i- mengapakah Raja Muhammad membunuh Merah Gajah?

Kerana Merah Gajah menyebabkan kematian anak Raja Muhammad iaitu ~~Puteri~~ ~~Betong~~ Puteri Betong.

ii- Apakah reaksi Raja Ahmad

reaksi Raja Ahmad ialah ~~beliau~~ baginda sangat sedih sehingga menghembaskan dirinya, mengoyak-ngoyak baju serta mencarik-carik kainnya.

iii) Tidak membunuh Merah Gajah tetapi ~~mengenal pasti~~ mengenal pasti kesalahan itu dilakukan dengan sengaja atau tidak disengajakan.

Jawapan calon kurang lengkap dari aspek bilangan isi. Terdapat calon yang mengemukakan bilangan isi yang cukup, namun jawapan yang diberikan kurang tepat. Kebanyakan calon masih memberikan jawapan dalam bentuk ayat klasik seperti dalam petikan. Ayat yang digunakan masih gramatis.

**Calon Lemah**

(i) Kerana Merah Gajah sehelai rambutnya di tengah kepalanya telah membantu puteri Betong.

(ii) Reaksi Raja ~~AHMAD~~ Ahmad menghempaskan dirinya, mengoyakkan bajunya dan mencarik-carik kainnya.

(iii) Selesaikan dengan cara baik dan tidak membunuh Merah Gajah.

Calon memberikan jawapan yang salah atau tidak relevan dengan kehendak soalan. Isi jawapan yang diberi tidak mencukupi. Bagi soalan 2(c) (iii), kebanyakan calon hanya memberikan satu sahaja jawapan yang betul atau menyatakan jawapan yang tidak tepat. Ayat yang digunakan juga tidak gramatis.

**Soalan 2(d) Sajak**

**Soalan 2(*d*) – Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bangkitlah**

Anak-anak yang sedang lena
bangkitlah
matahari sudah tinggi
di puncak gunung.

Lihat jernihnya pagi ini
burung-burung berterbangan di udara
dan pepohon hijau merendang daunnya
apa kau masih belum bangkit?

Bangkitlah
jangan sesal nanti
madu bumi yang kekeringan
isi laut kekosongan
dan *perut belantara menjadi ladang.*

Anak-anak
esok apa yang akan kaumakan?
tanah atau batu atau debu?
kau mahu terus nangis
tanpa air mata?

Kalau tidak
bangkitlah
matahari belum lagi rembang
dan burung-burung belum lagi menjamah awan!

(1969)

**Rejab F.I.**
Langit di Tangan, 1995
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berikan maksud *perut belantara menjadi ladang.*

(ii) Dalam sajak tersebut, penyajak ada menyentuh persoalan kelekaan generasi muda pada masa ini.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesannya kepada negara kita jika generasi muda terus leka?

(iii) Kemukakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.

Soalan bahagian ini meminta calon menjawab tiga pecahan soalan yang berdasarkan sebuah puisi.

**Calon Cemerlang**

i. Maksud perut belontara menjadi ladang ialah kawasan hutan diusahakan menjadi kawasan pertanian.

ii. Pada pendapat saya, antara kesan kepada negara jika generasi muda terus leka ialah tampuk pemerintahan akan menjadi ~~leb~~ lemah kerana diwarisi oleh pemimpin yang tidak cekap. Selain itu, ekonomi negara akan merosot dek kerana kurang ~~teo~~ tenaga kerja yang sepatutnya diterajui oleh golongan belia. Sehubungan dengan itu, tahap jenayah akan meningkat kerana masalah kebejatan moral generasi muda semakin kronik. Seterusnya, imej baik negara akan merosot kerana terdapat banyak kecacatan dari segala faktor disebabkan oleh golongan muda yang terus alpa.

iii. Dua pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut ialah kita perlu berusaha untuk membuat anjakan paradigma ke arah lebih baik. Setiap manusia ~~bet~~ perlu berusaha membaiki kehidupan ke arah lebih sempurna supaya kesusahan dapat dielakkan di kemudian hari. Selain itu, kita mestilah berfikiran maju ke hadapan supaya kita tidak ketinggalan mahupun alpa dengan kehidupan yang mementingkan keseronokan. Hal ini kerana kita perlu bersaing dengan orang lain bagi mencapai kesempurnaan hidup.

Calon dapat menjawab soalan dengan tepat iaitu dapat memahami maksud keseluruhan puisi. Isi jawapan yang dikemukakan mencukupi. Jawapan bagi soalan maksud rangkai kata diberikan dengan tepat. Calon dapat menggunakan kematangan fikiran untuk menyatakan isi-isi jawapan yang tepat dan relevan. Jawapan disusun dengan kemas dan menggunakan ayat yang betul dan gramatis. Soalan komponen sastera dijawab dengan cara yang tepat.

**Calon Sederhana**

i) Maksud perut belantara menjadi ladang ialah hutan belantara yang diterokai menj di ladang.

ii) Pada pendapat saya, kesan-kesan kepada negara kita jika generasi muda terus leka ialah perkembangan ekonomi yang terbantut dan ekonomi negara akan mundur.

iii) Kita hendaklah berusaha untuk majukan ~~ot~~ negara dan kita haruslah sedar akan ~~pembat~~ khazanah negara.

Jawapan yang diberikan kurang lengkap dari aspek bilangan isi. Terdapat calon yang mengemukakan bilangan isi yang cukup, namun jawapan yang diberikan kurang tepat. Hal ini demikian kerana calon kurang menguasai maksud dan kandungan puisi. Jawapan yang dikemukakan masih gramatis dari aspek tatabahasa.

**Calon Lemah**

(i) Maksud perut belantara menjadi ladang ialah perut berkosong dan tidak mempunyai makanan di perut.

(ii) Kesan-kesannya kepada negara kita jika generasi muda terus leka ialah imej negara merosot. Selain itu, di negara kita pendidikan dan pekerjaan mengurang.

(iii) Dua pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut ialah ~~kita mestilah~~ generasi muda perlu bertanggungjawab. Contohnya, anak-anak yang sedang lena bangkitlah, matahari sudah tinggi di puncak gunung. Selain itu, generasi muda perlu berpendidikan. Contohnya jangan sesal nanti, madu bumi yang kekeringan isi laut kekosongan dan perut belantara menjadi ladang.

Calon memberikan jawapan yang salah atau tidak relevan dengan kehendak soalan. Hal ini demikian kerana tidak memahami maksud dan kandungan puisi. Isi jawapan yang diberikan tidak mencukupi. Terdapat juga calon yang hanya memberikan satu sahaja isi yang betul atau menyatakan isi yang tidak tepat. Ayat yang digunakan tidak gramatis.

**Soalan 3 (Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa)**

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

(*a*) *Tulis* **satu ayat bagi setiap kata ganda** *di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda* **boleh menambahkan imbuhan** *tetapi* **tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai nama khas.**

(i) kumat-kamit

(ii) remuk-redam

(iii) selang-seli

(iv) serba-serbi

(v) simpang-siur

(vi) tungkus-lumus

Soalan bahagian ini memerlukan calon menjawan lima pecahan soalan iaitu membina ayat, menganalisis ayat, mengesan kesalahan ejaan dan imbuhan, mengesan kesalahan istilah dan tatabahasa dan soalan peribahasa.

**Soalan 3(a) Membina ayat**

Calon dikehendaki membina enam ayat daripada enam kata ganda yang dikemukakan.

**Calon Cemerlang**

i. Mulut bomoh itu terkumat-kamit membaca jampi serapah untuk mengubati pesakitnya.

ii. Kenderaan itu remuk-redam setelah terlibat dalam kemalangan malam semalam.

iii. Penjaga kaunter di stadium itu memberikan tiket percuma secara berselang-seli ~~kerana~~ kepada orang ramai kerana terdapat dua lorong yang dibuka.

iv. Perasaan Fatimah serba-serbi tidak menentu kerana teringatkan suaminya yang berkhidmat untuk negara di Lubnan.

v. Jalan masuk untuk ke Kampung Gelam bersimpang-siur dan telah ~~membuat~~ membuatkan kami sesat barat.

vi. Adik bertungkus-lumus untuk menyiapkan kerja rumahnya supaya dapat keluar bermain bersama rakannya.

Calon dapat memahami maksud perkataan yang diuji dengan tepat. Ayat yang dibina tepat, gramatis dan logik. Jawapan yang diberikan tidak mengandungi kesalahan tatabahasa dan ejaan. Penggunaan kosa kata sesuai untuk menjelaskan maksud perkataan. Perkataan yang diuji dapat digunakan dalam ayat dengan betul dan bermakna.

**Calon Sederhana**

a)

i) kumat - kamit.

Mulut bomoh itu terkumat- kamit membaca jampinya.

ii) remuk- redam

iii) selang- seli

~~k~~ Landskap rumah itu sangat cantik kerana coraknya bersselang- selikan dengan kolam air.

iv) serba - serbi

kerjanya yang serba - serbi itu tidak akan memberikah hasil yang baik.

v) simpang- siur.

Jalan ke rumah itu amat rumit kerana jalannya yang ~~bersimpang~~ bersimpang- siur ~~##~~ itu.

vi) tungkus – lumus.

Alia bertungkus- lumus menyiapkan kerja kursus yang diberikan oleh gurunya kerana masa yang diberi terlalu singkat.

Calon sederhana masih memahami kehendak item yang diuji. Namun terdapat calon yang tidak memahami maksud beberapa perkataan yang diuji dalam item yang diberi. Terdapat juga jawapan yang tidak menggambarkan maksud perkataan yang diuji atau tidak menjawab perkataan yang diuji dalam item yang diberi kerana tidak memahami langsung maksud perkataan tersebut.

**Calon Lemah**

a)

i) Ali sangat kumat-kamit sewaktu berada di dalam bilik darjah.

ii) Serai yang di remuk-rendam akhirnya boleh buat ubat sakit tenat.

iii) Ahmad dan abu menggunakan basikal yang dibeli oleh emaknya seiring-seli pada setiap hari.

iv) Siti ~~mengada~~ mengadakan majlis ~~perk~~ pernikahannya dengan serba-serbi di hari tersebut.

v) Simpang-siur di hadapan rumah makcik maimunah sangat bahaya.

vi) Ahmad bertungkus-lumus mengulangkaji mata pelajaran sejarah pada malam semalam.

Calon tidak dapat memahami maksud kata yang diuji dan tidak dapat membina ayat menggunakan perkataan yang diuji.  Terdapat juga calon yang membina ayat yang salah menunjukkan calon tidak memahami maksud perkataan tersebut.

**Soalan 3(b) Menukar ayat**

(*b*) *Tukar* **ayat bersusunan songsang** *di bawah kepada* **ayat bersusunan biasa** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

(i) Sudah ditetapkan pada usia 60 tahun persaraan kakitangan kerajaan.

(ii) Terletak di Bukit Perdana banglo mewah berharga RM3 juta itu.

(iii) Sungguh menakjubkan pertunjukan udara yang diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun hari kemerdekaan negara.

Calon dikehendaki menukar tiga ayat songsang menjadi tiga ayat bersusunan biasa.

**Calon Cemerlang**

b) i) Persaraan kakitangan kerajaan sudah ditetapkan pada usia 60 tahun.

ii) Banglo mewah berharga RM 3 juta itu terletak di Bukit Perdana.

iii) Pertunjukan udara yang diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun hari kemerdekaan negara sungguh menakjubkan.

Calon cemerlang dapat menjawab item yang diuji dengan tepat. Calon dapat menukarkan ayat bersusunan songsang kepada ayat bersusunan biasa. Hal ini demikian kerana calon memahami dengan baik konsep ayat bersusunan songsang dan ayat bersusunan biasa.

**Calon Sederhana**



b)

i) Pada usia 60 tahun persaraan kakitangan kerajaan sudah ditetapkan.

ii) Banglo mewah berharga RM3 juta itu terletak di Bukit perdana

iii) pertunjukan udara yang diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun hari kemerdekaan negara sungguh menakjubkan.

Calon sederhana masih dapat menguasai kaedah menukarkan ayat bersusunan songsang kepada ayat bersusunan biasa. Namun begitu, masih ada calon yang tidak menjawab dengan tepat bagi item yang diberikan. Kesilapan yang dilakukan ialah tidak dapat menukarkan ayat bersusunan songsang kepada ayat bersusunan biasa dengan tepat.

**Calon Lemah**



b) i) kakitangan kerajaan. sudah ditetapkan pada usia 60 tahun persaraan.

ii) Banglo mewah berharga RM 3 juta itu terletak di Bukit Pedana.

iii) Bersempena dengan sambutan ulang tahun hari kemerdekaan negara. sungguh menakjubkan pertunjukan udara yang diadakan.

Calon lemah tidak menguasai konsep menukarkan ayat bersusunan songsang kepada ayat bersusunan biasa. Jawapan yang diberi mengikut cara sendiri yang tidak menepati kehendak soalan. Terdapat calon yang tidak menjawab langsung item yang diuji.

**Soalan 3(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan**

(*c*) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan ejaan** *dan* **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Sejarah sesebuah negara hendaklah ditulis dengan berdasarkan fakta dan intrepretasi yang tepat selain diambil kira konteks tempatan.

(ii) Pada masa ini harga seunit rumah dibandar-bandar besar terlalu mahal hingga menyukarkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliknya.

(iii) Sebagai sebuah negara multi etnik, Malaysia memerlukan amalan pengongsian budaya dalam kalangan rakyat.

Calon dikehendaki mengenal pasti tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan imbuhan daripada tiga soalan yang dikemukakan.

**Calon Cemerlang**

c) i) intrepretasi → interpretasi
diambil → mengambil

(ii) dibandar- bandar → di bandar - bandar
memiliknya → memilikinya

(iii) multi etnik → multietnik
pengongsian → perkongsian

Calon dapat mengesan dan mengenal pasti tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan imbuhan yang terdapat dalam petikan soalan. Calon dapat mengaplikasikan penggunaan ejaan dan imbuhan yang sesuai dan tepat dalam konteks ayat.

**Calon Sederhana**


(c) i. Betul : intepretasi — Betul : mengambil kira
Salah : intrepretasi — Salah : di ambil kira

ii. Betul : se unit — Betul : memilikinya
Salah : seunit — Salah : memiliknya

iii. Betul : perkongsian — Betul : multi-etnik
Salah : pengongsian — Salah : ~~mult~~ multi etnik

Calon masih dapat mengesan dan mengenal pasti kesalahan ejaan dan imbuhan yang terdapat dalam petikan soalan. Namun begitu masih terdapat calon yang tidak dapat mengesan perkataan yang salah ejaan dan imbuhan dalam ayat yang diberi secara menyeluruh. Hal ini menyebabkan terdapat calon yang membetulkan perkataan yang sedia betul ejaan dan imbuhan dalam ayat yang diberi.

**Calon Lemah**



| c. | kesalahan ejaan | | kesalahan imbuhan. | |
|---|---|---|---|---|
| | kesalahan | jawapan | kesalahan | jawapan. |
| i. | intrepretasi | intrepetasi | sesebuah | sebuah. |
| ii. | memilitnya | memilikinya. | hingga | sehingga. |
| iii. | multi etnik | multi-etnik. | awalan | pengawalan |

Calon lemah gagal membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan dan tidak dapat mengesan perkataan yang salah ejaan dan penggunaan imbuhannya dalam item soalan yang diberi. Calon juga cenderung membetulkan perkataan yang betul ejaan dan imbuhannya dalam ayat yang diberi. Hal ini demikian kerana tidak menguasai sistem ejaan dan imbuhan dalam Bahasa Melayu.

## Soalan 3(d) Kesalahan istilah dan tatabahasa

(*d*) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** *dan* **satu kesalahan tatabahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Suasana pembelajaran yang konklusif merupakan faktor yang menentukan sama ada murid-murid berasa seronok ketika belajar dan sebaliknya.

(ii) Kelas Pendidikan Khas memerlukan jasa pembantu murid kerana kebanyakan murid-murid istimewa ini perlu diberikan perhatian yang khusus.

(iii) Guru berperanan untuk membentuk generasi yang memahami inspirasi negara dan seterusnya membawa Malaysia ke mercu kegemilangan di masa depan.

Calon dikehendaki mengenal pasti tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan imbuhan daripada tiga soalan yang dikemukakan.

### Calon Cemerlang

| d | salah | betul |
|---|---|---|
| i) | konklusif | kondusif |
| | dan | atau |
| | | |
| ii) | jasa | pertdangan |
| | kebanyakan murid-murid | kebanyakan murid |
| | | |
| iii) | inspirasi | aspirasi |
| | di | pada |

Calon mampu menjawab soalan dengan tepat dan berupaya mengesan kesalahan istilah dalam ayat dan menggantikannya dengan istilah yang lebih tepat penggunaannya. Calon juga dapat mengenal pasti kesalahan tatabahasa dan membetulkan kesalahan tatabahasa itu dengan tepat.

**Calon Sederhana**

d) i) konklusif → kondusif
dan → atau.

ii) jasa → pertolongan
murid → guru

iii) membentuk → melahirkan
membawa → memartabatkan

Calon masih dapat menjawab soalan yang diuji dengan agak tepat. Namun begitu masih terdapat isi jawapan yang menyalahkan istilah dan perkataan yang diuji yang sedia betul dalam ayat yang diberikan. Terdapat juga calon yang dapat mengesan kesalahan istilah dan perkataan yang diuji, namun pilihan jawapan yang dikemukakan bagi menggantikan istilah dan perkataan tersebut salah diberikan.

**Calon Lemah**

(d)
i) Suasana pelajaran yang konklusif merupakan faktor yang menentukan sama ada murid berasa seronok ketika belajar dan sebaliknya.

ii) Kelas Pendidikan Khas memerlukan jasa bantuan murid kerana kebanyakan murid istimewa ini perlu diberikan perhatian yang khusus.

iii) Guru ~~berperanan~~ peranan untuk membentuk generasi yang memahami inspirasi negara dan seterusnya membawa Malaysia ke mercu gemilang di masa depan.

Calon tidak dapat mengesan kesalahan penggunaan kata atau istilah dalam ayat yang diuji. Terdapat juga calon yang berjaya mengesan istilah yang salah namun gagal menggantikan istilah yang salah dengan istilah yang betul. Jawapan kesalahan tatabahasa juga kurang tepat. Hal ini demikian kerana tidak menguasai asas tatabahasa dalam Bahasa Melayu.

**Soalan 3(e) Peribahasa**

(*e*) *Berikan maksud peribahasa di bawah.*

(i) Membaca jambatan ilmu.

(ii) Sehari selembar benang, lama-lama menjadi kain.

(iii) Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat.

Calon dikehendaki memberikan maksud peribahasa daripada tiga peribahasa yang diuji.

**Calon Cemerlang**

No. Soalan: 3 (e)

i. Banyak membaca, semakin banyak ilmu yang boleh diketahui.

ii. Jika dibuat sesuatu perkara berkali-kali, pasti akhirnya berjaya juga.

iii. Kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarat.

Calon memahami maksud peribahasa yang dikemukakan dalam soalan. Jawapan maksud peribahasa yang diuji diberikan dengan betul dan tepat. Tiada kesalahan ejaan dilakukan.

**Calon Sederhana**


3 (e)

i) Membaca boleh menambah ilmu pengetahuan

ii) setiap hari melakukan sedikit pekerjaan , lama lama siap juga

iii) Keputusan yang sebulat suara.

Calon masih dapat memberikan maksud peribahasa yang diuji. Namun begitu, tidak semua item yang diuji dapat dijawab dengan betul. Terdapat calon yang memberikan maksud yang salah daripada tiga peribahasa yang diuji dalam soalan. Hal ini demikian kerana pengetahuan calon tentang peribahasa Melayu agak terhad.

**Calon Lemah**


e) I- gigih berusaha untuk mencari ilmu pengetahuan walaupun susah.

II- menapung sikit-sikit dulu, lama-lama akan mendapat balasan yang lumayan

III- saling tolong menolong

Calon tidak mampu memberikan maksud peribahasa yang diuji dengan betul dan tepat. Jawapan yang diberikan juga sekadar untuk memenuhi ruangan jawapan dalam buku jawapan calon. Terdapat juga calon yang tidak menjawab langsung soalan peribahasa yang diuji. Keadaan ini menunjukkan bahawa kurangnya penguasaan aspek peribahasa dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

**Soalan 4: Novel**

Bagi soalan 4(a), calon dikehendaki menjelaskan penggunaan dua latar masa dalam sebuah novel yang dipelajari dan bagi soalan 4(b) calon dikehendaki menjelaskan tiga nilai kemanusiaan dalam sebuah novel yang telah dipelajari.

**Soalan 4(a) Latar masa**

**Soalan 4 : Novel**

[15 *markah*]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

(i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof

(ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah

(iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah

(iv) Renyah karya Gunawan Mahmood

(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

(vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir

(vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

(viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(*a*) Jelaskan **dua latar masa** yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari.

Soalan memerlukan calon mengemukakan dua latar masa dalam sebuah sebuah novel.

No. Soalan: 4 (a)

Novel yang saya kaji ialah Papa...(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof. Novel ini mengisahkan seorang ayah yang tabah mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan dan tidak pernah mengalah dengan apa yang dilakukannya.

Antara dua latar masa ialah pada waktu pagi. Contohnya, Julia dan Jeffri mendaftar di kolej untuk Julia dan ~~mereka~~ Julia bertembung dengan Rasylan. dan apabila Jeffri dan Intan Mahirah bercucuk tanam di laman rumah mereka dengan mesranya sambil diperhatikan Julia dan mak cik Noraini.

Selain itu, latar masa pada waktu petang. Contohnya, apabila Julia mengajak Aisyah, pelajar papanya bermain tenis bersama - sama. ~~Conto kedua~~, Contoh seterusnya ialah apabila Julia mengulangkaji bersama Rasylan dan Rasylan cuba mencium Julia tetapi Julia menolak. Contoh yang lain ialah apabila Musa al-Khalibi berjumpa dengan Rasylan untuk membincangkan isu di antara mereka dan Musa mahu menjelaskan kepada Rasylan bahawa Rasylan ialah anaknya hasil perhubungan dengan pengemas bilik warga Indonesia.

Oleh itu, antara latar masa yang terdapat di dalam novel ini, dua ~~ye~~ sahaja yang saya kemukakan iaitu latar masa pada waktu pagi dan petang.

No. Soalan: 4 (a)

Novel Melunas Rindu karya Hortini Hamzah mempamerkan pelbagai latar masa yang menarik ~~buat~~ untuk bacaan pembacanya. Latar masa merupakan waktu apabila sesuatu situasi berlaku.

Latar masa yang pertama ialah pada waktu pagi iaitu apabila Fuad mendaftarkan diri sebagai guru sandaran Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Seri Setia.

Seterusnya, latar masa pada waktu tengahari tatkala Fuad pulang ke rumah untuk makan tengahari demi menjaga hati Mak Salmah.

Di samping itu, latar masa pada waktu senja apabila Fuad ditegur oleh Mak Salmah kerana pulang lewat dan kepulangannya telah dinantikan oleh Pak Ismail untuk bersama-sama menunaikan solat Maghrib di surau.

Novel : (III) Azfa Hanani Karya Hafis Azhan Mohd Hanafiah.

(a) Dua latar masa yang dalam novel telah saya pelajari ialah Azfa Hanani ialah seorang perempuan, dia berumur 17 tahun. Ibu bapa dia ~~Azfa Hanani~~ sudah kematian dalam sebuah kemalangan jalan raya. Azfa Hanani mengaji Tengku Mazran dan kak Fiznah menyamar ~~sudah~~ sebagai Tengku Murni. Azfa Hanani sangat berani mencuba kawasan baru iaitu rumah baru, sekolah baru dan kawan-kawan baru untuk mengatasi masalah yang membelenggungnya. Azfa Hanani menyamar sebagai Tengku Murni kerana Tengku ~~Mazra~~ Mazran berjanji dia ~~ke~~ rawatan Zuraini berjalan semula. Zuraini ialah pak lang anaknya. Azfa Hanani ~~tida~~ kegigihan tidak berputus asa untuk menuntun ilmu dari rumah ke sekolah menjauh 30 kilometer semata-mata untuk ~~melanj~~ melanjutkan pelajaran dalam aliran sains.

Soalan 4 : Novel

(a) Novel yang telah saya pelajari ialah ~~nove~~ Novel Kenyah karya Gunawan Mahmood.

Latar masa yang terdapat dalam novel ini ialah pada waktu pagi. Sebagai contoh, pada waktu pagi ~~inila~~ inilah, Hasnol datang untuk membayar untangnya yang telah dipinjam dari emaknya iaitu Datin Tominah.

Selain itu, pada waktu malam, contohnya, ~~Hasnol Ameera~~ Amira telah berjumpa dengan peminat misteri yang selalu mengirim bunga kepadanya iaitu YB Wahab Yasin bertempat di kelab Mawar. Seterusnya, pada waktu inilah Datin Tominah mengajak Datuk Dolhi ke Hotel Merlin bagi ~~menga~~ menyaksikan pertunjukan Busana Islam.

No. Soalan: soalan 4 : Novel .

(a) Novel yang telah saya kaji adalah Novel konserto Terakhir karya Abdullah Hussain . Terdapat banyak latar masa yang boleh kita beroleh dalam novel ini . Antara latar masa yang terdapat dalam novel ini ialah pada waktu pagi , petang , siang , waktu zuhur dan waktu malam . Dua latar masa yang akan saya ketengahkan ialah pada waktu pagi . Sebagai contoh Hilmi sudah bangun awal pagi untuk mengerjakan tanggungjawabnya kepada Allah s.w.t . Hilmi menunaikan solat subuh di pagi hari dan bersiap untuk mengerjakan tanggungjawabnya sebagai tukang kebun di rumah Datuk Johari . Latar masa yang seterusnya ialah pada waktu siang . Hilmi sebagai tukang kebun di rumah Datuk Johari harus menjadi pembantu tatkala pembantu rumah Datuk Johari , Mak Minah harus pulang kekampung halaman . Oleh itu semua tugasan Mak Minah harus dia pikul selama ketidakadaan Mak Minah di Rumah Datuk Johari .

a) Novel yang saya kaji ialah Novel Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir. Latar masa yang terdapat dalam novel ini ialah latar masa pada waktu malam di dalam kereta api Amira dan Jacinta menuju ke stesen Dahan Hijau untuk ke Bukit Mat Raya yang terletak di banjaran Titiwangsa. Latar masa seterusnya ialah pada waktu pagi di stesen kereta api Dahan Hijau di sana Amira dan Jacinta menunggu kedatangan Pak Ilias untuk ~~pergi~~ ke bukit mat raya.

Berdasarkan novel Kabus di Perbukitan hasil karya Mohamad Kholid Hamzah yang telah saya pelajari di Tingkatan Lima, terdapat banyak latar masa yang dapat menggambarkan sesuatu peristiwa.

Latar masa yang pertama ialah pada zaman lampau. Semasa kehilangan Faridah di Bukit Kutu, dia telah berada dalam keadaan bawah sedar. Faridah mendapati dirinya berada di zaman kolonial British. Faridah telah dijaga oleh Amah Siti, ~~iaitu pembantu rumah pada zaman kolonial British~~ iaitu pembantu rumah kepada Tuan Cecil Renking.

Latar masa seterusnya ialah pada waktu petang. Operasi mencari dan menyelamat Faridah dan Iqbal terpaksa dihentikan kerana hari sudah petang. Pihak polis dan penyelamat terpaksa memberhentikan usaha mencari Faridah dan Iqbal kerana tidak dijumpai setelah dua minggu. Ayah Faridah, Mejar (B) Kamarudin mengambil usaha untuk mencari sendiri Faridah dan Iqbal. Mejar Kamarudin dan Buyung terpaksa memberhentikan usaha mencari Faridah dan Iqbal kerana hari sudah petang. Mereka bermalam di puncak Bukit Kutu sebelum menjumpai mereka di Perkampungan Orang Asli pada esok harinya.

a)

Berdasarkan sebuah novel yang telah saya pelajari, novel Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hasan.

Dua latar masa yang terdapat dalam novel ini ialah latar masa yang pertama ialah pada waktu pagi. Adila membawo sepupunya ke pekan. Sameah dan Syamsul turut bersama-samo mereka ialah Bujei ~~Adila~~ Adila dan Sameah membeli kelengkapan perkahwinan Sameah ~~pe~~ manakala Syamsul membawa Bujei ke kedai gunting dan juga kedai elektronik. Bujei telah membeli sebuah radio.

Latar masa yang kedua ialah pada waktu malam. Bujei tersedar daripada pengsannya setelah dipukul oleh bapa tirinya. Harun kerang telah merosakkan surat penggalihan kuasa ke atas tanah milik arwah ibunya, Fatimah. Malahan ~~Malahan~~ pada malam perkahwinan Sameah, Bujei telah tampil kehadapan menyanyikan lagu Bahtera Merdeka dengan suara yang lunak dan merdu.

Jawapan menepati kehendak soalan. Latar masa dinyatakan dengan jelas dan diikuti oleh huraian atau percontohan yang menepati isi kandungan novel yang dikaji. Bahasa yang digunakan gramatis dari segi ayat dan tatabahasa

**Calon Sederhana**

a) Novel yang saya kaji ialah novel Papa (akhirnya kau tewas juga!) karya Azizah Yusof.

Latar masa yang terdapat dalam novel tersebut ialah pada tahun 90-an, iaitu ketika ~~J~~ Julia dilahirkan. Pada tahun tersebut, Intan Maliana mempunyai komplikasi untuk melahirkan anaknya, Julia. Mama koma setelah melahirkan Julia, dan Julia terpaksa ~~diletakkan~~ ditahan di hospital kerana Julia lahir tidak cukup bulan.

Seterusnya, latar masa pada alaf baru. Julia sudah meningkat dewasa dan mempunyai kehidupannya sendiri. Mama juga mengambil risiko dengan mengandung buat kali kedua. Mama sekali lagi menghadapi komplikasi untuk melahirkan adik kembar Julia iaitu Ahmad dan Muhammad. Kesannya, adik kembar ~~J~~ Julia meninggal dan mama koma buat satu tempoh yang agak lama.

Novel

a) ~~Berda~~ Berdasarkan novel yang saya pelajari, novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain, dua latar masa yang terdapat dalam novel ialah malam orkestra perdana. Pada malam itu, ~~ketua~~ Hilmi telah hilang pada malam orkestra perdana. Hilmi sepatutnya berada di orkestra perdana untuk membuat persembahan muziknya. Namun, Hilmi tidak dapat hadir kerana hilang pada malam itu. selain itu, latar masa yang terdapat dalam novel ialah hari Hilmi bertemu dengan Encik Bakar. Hilmi bertemu dengan Encik Bakar ketika bonin samah tiada di rumah untuk mempelajari muzik.

Novel

Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir.

(a) Novel yang saya pelajari ialah novel Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir.

Latar masa novel Kembara Amira ialah meluangkan masa dengan kawannya bernama Jacinta berniti di Bukit Mat Raya. Di Bukit Mat Raya Ibu Amira telah membuat arkeologi dengan pelajar-pelajar sementar.

Latar masa yang kedua ialah dalam ~~keete~~ kereta api semasa dalam perjalanan untuk sampai ke Bukit Mat Raya. Setelah sampai ~~ke Bukit~~ ke stesen Dahan Hijau Amira telah menunggu Pak Lias untuk mengambil bawa ke tempat Ibunya Profesor Zaidah.

No. Soalan: 4 : Novel

a) Berdasarkan sebuah novel yang telah saya pelajari, novel Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hasan.

Dua latar masa yang terdapat dalam novel ini ialah latar masa yang pertama ialah pada waktu pagi. Adila membawa sepupunya Sameah dan Syamsul turut bersama-sama mereka ialah Bujei ke pekan. ~~Adila~~ Adila dan Sameah membeli kelengkapan perkahwinan ~~per~~ Sameah manakala Syamsul membawa Bujei ke kedai gunting dan juga kedai elektronik. Bujei telah membeli sebuah radio.

Calon masih menjawab soalan, namun isi jawapan yang diberikan kurang lengkap dari segi jumlah isi. Huraian yang diberikan kurang tepat.

**Calon Lemah**

a) Novel yang saya kaji di Tingkatan Empat ialah Melunas Rindu karya Hartini Hamzah.

Dua latar masa yang terdapat dalam novel Melunas Rindu karya Hartini Hamzah ialah ketika Fuad masih kecil. Buktinya, Fuad dilahirkan oleh mariana iaitu ibu Fuad tetapi bapa Fuad, Robert Lim telah membawa lari Fuad agar Fuad terpisah dari mariana dan Robert Lim telah menipu Fuad dengan memberitahunya bahawa ~~[illegible]~~ mariana telah meninggal ketika melahirkannya. Selain itu, latar masa yang kedua ialah ketika Fuad berusia pertengahan 20-an. Buktinya, Fuad telah membawa lari sofia dan telah bertaubat serta mengambil keputusan untuk tinggal bersama ibu dan bapa sofia di kampung iaitu Pak Samad dan mak salmah.

No. Soalan: 4(a)

Novel yang saya telah pelajari bertajuk Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) hasil karya Deana Yusof. Dua latar masa yang terdapat dalam novel in ialah semasa kemalangan jalan raya yang berlaku pada Mak Cik Noraini. seluruh ahli keluarganya tidak dapat diselamatkan dan meninggal dunia. Kini, dia ~~sekarang~~ tinggal bersama ahli keluarga Jeffri. Latar masa yang kedua ialah pada saat - saat Intan Mariana mahu melahirkan anak kembar mereka. Jeffri menghantar isterinya ke hospital dan beberapa jam selepas itu isterinya bersalin. Mereka mendapat anak kembar siam tetapi telah meninggal dunia. Kondisi Intan Mariana dilaporkan tidak stabil dan koma.

**No. Soalan:**

soalan 4 : a.

Saya telah mengkaji novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain dan antara dua latar masa yang terdapat dalam novel tersebut ialah apabila Datuk Johari mendapat tahu bahawa Hilmi itu ialah anak kandungnya. Datuk Johari terkejut apabila mendapat tahu bahawa Hilmi adalah anak kandungnya dan akhirnya beliau meninggal dunia. Latar masa yang kedua ialah dimana Hayati menggantikan tempat Hilmi untuk memimpin pertunjukkan Orkes perdana.

Calon tidak dapat menyatakan latar tempat dengan tepat atau hanya menyatakan latar tempat secara umum sahaja dan tidak menepati kehendak soalan. Terdapat calon yang memberikan jawapan dalam bentuk sinopsis sahaja atau bercampur aduk antara jawapan betul dengan jawapan yang salah.

**Soalan 4(b) Nilai kemanusiaan**

**Soalan 4 : Novel**

[15 *markah*]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof

(ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah

(iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah

(iv) Renyah karya Gunawan Mahmood

(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

(vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir

(vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

(viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(*b*) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **tiga nilai kemanusiaan** yang terdapat dalam novel tersebut.

Soalan memerlukan calon menjelaskan tiga nilai kemanusiaan dalam sebuah novel yang dipelajari.

**Calon Cemerlang**

No. Soalan: 4 b

Novel yang saya kaji ialah novel Papa.... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof. Terdapat beberapa nilai kemanusiaan dalam novel ini. Antaranya ialah nilai ketabahan. Papa dan Ju sangat tabah dalam mengharungi dugaan selepas mama koma. Papa berasa sunyi apabila mama koma selepas melahirkan anak kedua iaitu anak kembar siam, melekat dari bahagian kepala hingga ke punggung. Walaubagaimanapun, anaknya meninggal dunia ketika masih dalam kandungan.

Kedua ialah nilai kasih sayang. Kasih sayang mama ~~ter~~ terhadap papa mencemburukan Ju. Mama sanggup menghadapi komplikasi buat kali yang kedua semasa melahirkan anak kedua. Walaupun Mak Cik Noraini melarang mama mengandung buat kali yang kedua selepas sekian 17 tahun, mama tetap ~~be~~ degil. kerana mama ingin menggembirakan papa. Ini hasrat papa tambahnya.

Akhir sekali nilai kerajinan. Ju tetap rajin belajar dan mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan SPM walaupun ~~dia~~ mamanya koma. Dia tidak pernah mengabaikan pelajaran walau apapun yang berlaku. Ju berjaya memasuki ke kolej Matrikulasi UIA kerana itu merupakan keinginan mamanya.

(b) Novel yang saya kaji ialah Novel Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah terdapat tiga nilai kemanusiaan di dalam novel ini ialah nilai kasih sayang. Contohnya, Datin Maziah amat menyayangi anaknya iaitu Tengku Murni ataupun Azfa Hanani. Dia begitu menyayangi anaknya sehingga tidak membenarkan Azfa Hanani menaiki bas ke sekolah kerana bimbangkan keselamatannya sebaliknya di hantar setiap hari oleh kak Finaz. Selain itu, nilai bantu-membantu. ~~Contohnya~~ Contohnya, ~~Abang~~ abang Mazran telah bersusah payah mendapatkan rawatan untuk Zuraini, sehingga Zuraini dapat berjalan semula. Di samping itu, nilai prihatin. Contohnya, abang Mazran dan kak Finaz sangat mengambil berat tentang keperluan Azfa Hanani sepanjang tinggal di rumah ibu mereka iaitu Datin Maziah.

b)

Berdasarkan sebuah novel yang saya pelajari, Renyah karya Gunawan Mahmood.

Tiga nilai kemanusia yang terdapat dalam novel ini ialah nilai yang pertama ialah nilai ketabahan. Contohnya, Datuk Dolhi tabah menghadapi dugaan apabila beliau mendapat berita bahawa Hasnol telah terlibat dalam rasuah dan Mukhlis dikhabarkan terlibat dalam ~~menjadi tida~~ kemalangan apabila menjadi tidak siuman kerana terlibat dalam suatu dakwah songsang. Begitu, anak bongsu beliau, Dani telah ditangkap kerana terlibat dengan dadah.

Nilai yang kedua ialah nilai kasih sayang. Contohnya, Datin Tominah begitu menyayangi anak-anaknya. Beliau sanggup memaafkan Mukhlis kerana telah merahsiakan perkahwinannya dengan janda Tok Guru dan menyuruh Mukhlis menjadi isteri dan anak-anak tirinya dengan baik.

Nilai yang ketiga ialah nilai kegigihan. Datuk Dolhi gigih berusaha membangunkan perusahaan ~~[illegible]~~ yang dikongsi bersama-sama dengan rakan karibnya, Albert Lee iaitu syarikat Dolhi-Albert Holding.

4 (b) Novel yang telah saya kaji ialah Novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain. Terdapat banyak nilai kemanusiaan dalam novel ini. Antara tiga nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel ini adalah ketabahan. Sebagai contoh, Hilmi tabah menghadapi dugaan yang hidupnya. Walaupun dia dimaki dan direndahkan oleh mak saudaranya, Datin Salmah dia tetap tabah dan sabar menghadapi dugaan itu walaupun susah untuk dia terima.. Selain itu, ~~saling membantu~~ keikhlasan. Sebagai contoh Pak Abu yang ikhlas mengajar Hilmi peralatan muzik walaupun tanpa dibayar satu sen pun oleh Hilmi. Dia ikhlas membantu Hilmi kerana dia tahu Hilmi sangat berbakat. Seterusnya, keinsafan. Sebagai contoh setelah kematian Hilmi Datin Salmah insaf dan menyesal atas perbuatan yang telah dia lakukan terhadap Hilmi selama Hilmi tinggal di rumahnya.

Oleh itu, terdapat nilai yang harus kita contohi untuk mewujudkan kemakmuran negara.

Berdasarkan novel Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah, terdapat beberapa nilai kemanusiaan yang saya peroleh.

Nilai kemanusiaan yang pertama ialah nilai kasih sayang. Contohnya, Mak Salmah telah meninggal dunia kerana terlalu sayang dan rindu pada anaknya Rahayu. Contoh lain pula, walaupun sudah lama menetap di Rosewood, New Zealand, namun Faridah masih sayang akan tempat kelahirannya iaitu Sungai Besar Dua dan berhasrat untuk pulang kembali.

Nilai kemanusiaan yang kedua ialah nilai ketabahan. Contohnya, Faridah tabah menghadapi pemergian orang-orang tersayang seperti Rahayu yang meninggal dunia akibat kanser di leher. Setahun kemudian ibunya Mak Salmah pula meninggal kerana terlalu rindu akan Rahayu. Faridah juga tabah menghadapi pemergian suami tersayang iaitu Ghazali kerana terbabit dalam kemalangan.

Nilai kemanusiaan yang ketiga pula ialah nilai kegigihan. Contohnya, Azrul berusaha gigih untuk mengembangkan perniagaannya sebagai petani moden sehingga bergelar Datuk. Selain itu, Mejar (B) Kamarudin dan Busung berusaha gigih untuk mencari Faridah dan Iqbal yang hilang di Bukit Kutu kerana terlibat dalam kemalangan ketika menuju ke Pekan Raub.

No. Soalan: 4(b)

Novel yang telah saya pelajari ialah novel Sutera Dalam Lukisan, karya Abd. Talib Hassan.

~~Tiga~~ Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel ini ialah nilai keprihatinan. Sebagai contoh, Adila prihatin akan nasib Bujei yang dianggap tidak siuman oleh penduduk kampung. Oleh sebab itu, dia berusaha untuk membantu Bujei ~~untuk~~ menjadi manusia yang normal semula.

Nilai kemanusiaan yang seterusnya ialah nilai ketabahan. Sebagai contoh, Bujei tabah menjalani kehidupannya yang sebatang kara setelah dia kematian ibu, ayah dan neneknya. Dia juga tabah menjalani kehidupannya walaupun dianggap tidak siuman oleh penduduk kampung.

Nilai kemanusiaan yang terakhir ialah nilai kerjasama. Nilai ini ditunjukkan oleh Bujei dan penduduk kampung yang lain. Mereka bekerjasama menyiapkan segala persiapan perkahwinan Fame'ah.

Calon dapat mengemukakan tiga nilai kemanusiaan dengan cara jawapan yang tepat. Nilai kemanusiaan dinyatakan dengan tepat dan diikuti dengan huraian dan contoh yang relevan berdasarkan novel yang dibaca. Jawapan menggambarkan penguasaan calon tentang novel yang dipelajari. Jawapan diberikan dalam ayat yang gramatis.

## Calon Sederhana

b) Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu Papa.... (akhirnya kau temui jua!) karya Deana Yusof, nilai kemanusiaan yang saya pelajari daripada novel tersebut ialah gigih berusaha. Sebagai contoh Julia gigih berusaha untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam SPM supaya dapat melanjutkan pelajaran ke Universiti. Selain itu, nilai kemanusiaan yang saya perolehi ialah penyayang. Sebagai bukti ayah kepada Julia iaitu Jeffry yang sanggup menjaga isterinya yang koma selepas melahirkan anaknya. Nilai kemanusiaan yang seterusnya ialah hormat-menghormati. Sebagai contoh Julia menghormati keinginan ayah untuk berkahwin dia dengan Aisyah sedangkan ibunya masih dalam keadaan koma.

b) Novel yang saya kaji ialah Melunas Rindu karya Hartini Hamzah.

Tiga nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel tersebut ialah nilai kasih sayang. Buktinya, Fuad telah membelikan Pak Samad sebiji motosikal untuk memudahkan Pak Samad berulang-alik ke surau. Selain itu ialah nilai bertanggungjawab. Buktinya, Fuad sentiasa menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang lelaki Islam dengan menunaikan solat lima waktu sehari. Di samping itu, nilai yang ketiga ialah nilai prihatin. Buktinya, setelah mendapat tahu bahawa anak rakannya Johan sakit, Fuad segera menyewa kereta untuk membawa mereka ke klinik dan membayar bil rawatan anak Johan.

~~Be~~ Berdasarkan novel yang saya pelajari, novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain, tiga nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel ini ialah nilai kegigihan. Hilmi gigih berusaha menghadapi pelbagai cabaran dalam mempelajari ~~sef~~ muzik sehingga menjadi terkenal. Selain itu, nilai yang terdapat dalam novel ini ialah nilai tanggungjawab. Ketua Pengarah RTM bertanggungjawab untuk mencari pengganti Hilmi bagi mengganti tempat Hilmi pada malam Orkestra Perdana. Tambahan pula, nilai insaf. Datin Salmah telah insaf setelah mengetahui Hilmi ~~kat~~ merupakan anak suaminya, Datuk Johari pada malam orkestra perdana.

b). Novel yang saya pelajari adalah Kembara Amira. Dalam novel ini terdapat tiga nilai kemanusiaan.

Nilai pertama adalah kasih sayang. Profesor Zaidah terkejut apabila mendengar anak Amira mengalir deras air. dan menyelamatkan oleh ~~tau~~ Tau dan Itai. Profesor Zaidah amat sedih kerana benda yang tidak sepatutnya berlaku kepada anak.

Nilai kedua adalah mencintai alam sekitar. Tau amat mencintai hutan itu. Dia menjadi makhluk asing dan memakai baju berwang untuk menakutkan orang pelombong emas dan membalak kayu.

Nilai ketiga adalah keberanian. Amira berani mengikut Itai untuk mencari Malique yang dihilang dalam hutan. Akhirnya, Amira berjaya mencari Malique yang dikurung oleh makhluk asing.

b Novel yang telah saya pelajari ialah novel Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan.

Berdasarkan novel yang saya pelajari ada tiga nilai kemanusiaan ialah kasih sayang seorang anak terhadap ibubapa, dimana Bujei amat menyayangi ibu nya, Fatimah. Bujei cuba menyelamatkan ibunya ketika rumahnya terbakar.

Seterusnya masyarakat yang prihatin. Contohnya Adila dengan ikhlas mengambil berat akan Bujei. Adila ~~[illegible]~~ merawat Bujei sehingga Bujei kembali menjadi lelaki yang normal.

Selain itu juga nilai ~~[illegible]~~ kekeluargaan. Contohnya Adila yang menumpang di rumah Sidang Saman untuk berehat dari bidang pelajarannya di luar negara. Kewarga Sidang Saman melayan Adila dengan mesra.

Calon sederhana masih dapat mengemukakan nilai kemanusiaan dengan cara jawapan yang tepat tetapi jumlah isi yang dikemukakan tidak mencukupi. Nilai kemanusiaan dinyatakan dengan betul dan diikuti dengan huraian dan contoh yang relevan berdasarkan novel yang dibaca. Jawapan calon juga masih dalam ayat yang gramatis.

**Calon Lemah**

No. Soalan: 4 (b)

Novel yang saya telah pelajari bertajuk `Papa ... (akhirnya kau jelas jua!)´ hasil karya Deana Yusof. Tiga nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel ini ialah masyarakat yang tidak memilih rakan seperti yang kita dapat lihat Julia berkawan dengan Rasyian meskipun dia baru mengetahui bahawa Rasyian adalah anak luar nikah. Kedua ialah masyarakat yang prihatin terhadap kesusahan orang lain. Seperti contoh, Jeffri mengajak Mak Cik Noraini untuk tinggal bersama keluarganya sejak ahli keluarga Mak Cik Noraini terlibat dalam kemalangan jalan raya. ~~Y~~ Nilai kemanusiaan yang ketiga ialah masyarakat yang menyayangi ahli keluarganya seperti yang dapat kita lihat Jeffri sanggup mengorbankan masanya untuk menemani isterinya /Intan Maliana meskipun dia berada dalam keadaan koma.

Novel yang saya pelajari di Tingkatan 4 ialah ~~Meluna~~ Melunas Rindu. Tiga nilai kemanusiaan yang terdapat dalam ~~nove~~ novel ini ialah manusia yang kasih sayang. Sebagai contoh, Fuad membeli sebidang tanah ~~unt~~ kepada Pak Ismail dan Mak Salmah. ~~Selain itu, manusia yang bekerjasama. Sebagai contoh~~, Selain itu, nilai kemanusiaan yang kedua ialah manusia yang bekerjasama. Sebagai contoh, Fuad mencari kubur Ibu kandungnya bersama-sama dengan Pak Said dan Pak Ngah Lias di Lembah Klau. Di samping itu, nilai kemanusiaan yang ketiga ialah ~~manusi~~ manusia yang bertanggungjawab. Sebagai contoh; Fuad mengajar Bahasa Inggeris kepada anak-anak ~~murid di~~ murid di SM Seri Setia dengan bersungguh-sungguh.

b)

Novel yang saya kaji ialah Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah nilai murni yang saya pelajari ialah baik hati. Azfa Hanani bersikap baik hati menyemar ~~Tengku Murni~~ Tengku Murni untuk mengatasi masalah kesihatan Datin Mazlah. Selain itu, ~~nilai murni~~ ~~be~~ nilai berani, Azfa Hanani berani ~~untuk~~ menhadapi cabaran seperti menyemar ~~Ten~~ Tengku Murni kerana Tengku Murni belum meninggalkan dunia dia ialah seorang ~~yang~~ anak yang disayang oleh keluarga dia dan mendapat ilmu pengetahuan.

Tambahan pula, Azfa Hanani ada nilai rajin dia ~~si~~ selalu dapat keputusan ~~baik~~ dalam peperiksaan semua Gemilang selain bahasa Inggeris dan sains dia ~~menyemar~~ menyemar Tengku Murni untuk mengatasi masalah kesihatan Datin Mazlah kerana dia boleh menguasai bahasa Inggeris dan sains dengan baik.

b) Berdasarkan novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain yang telah saya kaji, terdapat pelbagai nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel ini.

Antaranya ialah kesungguhan Hilmi menjaga ~~kebun~~ taman rumah Datuk Johari dengan menanam pelbagai bunga-bungaan serta sayuran yang membuktikan bahawa Hilmi mempunyai nilai mencintai keindahan.

Novel yang telah saya kajian adalah novel Kembara Amira Karya Amer Hamzah L Kadir.

Yang terdapat beberapa nilai kemanusian di dalam novel ini. Yang pertamanya adalah nilai bekerjasama. Amira ~~memp~~ mensuruhkan semua orang di kampung untuk mencari Malique semasa Amira mencari hard disk Malique yang terjumpa di atas Gunung dan mengenal pasti Malique di kawasan yang tidak jauh sahaja.

Nilai yang kedua adalah keberanian. Tau ialah ~~anak angkat~~ bapa Itai dan abang Lutin. Tau sangat berani kerana dia menyelamat Amira semasa Amira dihanyutkan oleh air sungai dan menyelemat anak keduanya Malique yang terjatuh ke dalam Gua Gajah.

Nilai yang ketiga adalah nilai mementing diri, dalam penutup novel itu, semua watak-watak bersambung wawasannya seperti Jacinta menjadi guru fesyen di America dan Amira bersambung Ilmunya di University.

b) Berdasarkan novel yang saya pelajari iaitu Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan tiga nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel ini ialah sebagai contoh, Adila betul-betul ingin memulihkan Bujei menjadi manusia normal kerana Adila tahu bahawa Bujei sebenarnya tidak gila. Manakala, Mak Lamah tidak suka melihat Bujei dibuli ~~walaup~~ oleh Atras walaupun Bujei dianggap gila. Akhir sekali, Mak Lamah menyuruh Bujei mempelajari tentang solat manakala Adila menyuruh Bujei belajar tentang agama.

Calon tidak dapat mengemukakan nilai kemanusiaan dengan tepat. Jawapan diberikan huraian secara umum sahaja dan tidak menepati kehendak soalan. Pernyataan nilai kemanusiaan yang diberikan salah atau tidak berkaitan. Isi jawapan juga bukan dalam bentuk nilai, tetapi lebih kepada bentuk persoalan. Bahasa yang digunakan juga tidak gramatis.

**SARANAN KEPADA CALON**

1. Banyakkan latihan.

2. Menguasai teknik menjawab soalan.

3. Menggunakan perkataan dan ayat sendiri semasa menjawab soalan pemahaman.

4. Jumlah markah pada setiap soalan perlu dijadikan panduan semasa menjawab.

5. Membaca dengan teliti dan memahami dengan jelas setiap arahan soalan.

6. Menguasai perbendaharaan kata dan asas tatabahasa.

7. Menguasai sistem ejaan bahasa Melayu.

8. Menjadikan Kamus Dewan dan Tatabahasa Dewan sebagai rujukan.

9. Membaca buku teks komponen sastera dan menguasai isi kandungannya.

10. Membaca dan memahami isi kandungan dua buah novel yang dikaji mengikut aspek kajian komponen sastera.

11. Banyakkan membaca akhbar dan majalah ilmiah untuk menambahkan kekuatan kemahiran berfikir.

12. Menjadikan kamus peribahasa sebagai rujukan tambahan agar dapat menguasai aspek peribahasa.

**SARANAN KEPADA GURU**

1. Gunakan bahan pelajaran yang boleh menjana minda pelajar terutamanya penggunaan akhbar, majalah dan sebagainya.

2. Sentiasa mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran kendiri.

3. Menguasai format dan teknik menjawab soalan yang betul.

4. Banyakkan latihan untuk memberi bimbingan lanjut berdasarkan Kemahiran Berfikir

5. Sentiasa merujuk buku Tatabahasa Dewan.

6. Sentiasa menggunakan kamus dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

7. Teks komponen sastera (KOMSAS) perlu diberikan penekanan terutama aspek kajian sastera yang dijadikan soalan peperiksaan.

8. Item yang berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi perlu diperbanyakkan supaya pelajar dapat memberikan pendapat yang bernas.

9. Guru perlu mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran.

10. Membina item peperiksaan dalaman yang mencapai tahap peperiksaan sebenar.

11. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini.

12. Sentiasa mengikuti isu-isu semasa untuk merangsang percambahan fikiran dan idea.

13. Menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

14. Laporan Kupasan Mutu Jawapan Calon terbitan LPM mesti dihayati oleh semua guru Bahasa Melayu.

15. Guru mesti mahir menguasai kemahiran teknologi maklumat dan sentiasa melayari laman sesawang untuk mendapatkan bahan dan ilmu pengajaran dan pembelajaran yang terkini.

16. Guru wajar menyediakan bahan bantu mengajar yang terkini agar calon terus berminat mengikuti pengajaran guru di dalam kelas tanpa berasa jemu.

17**.** Menggalakkan guru mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang berkaitan dengan topik dalam pengajaran dan pembelajaran agar calon berkembang cara pemikirannya.

18. Guru perlu memberi peluang kepada pelajar untuk mengkaji novel dari zon yang lain.

19. Guru digalakkan menghadiri seminar, bengkel, konvensyen, simposium, forum dan kolokium kebahasaan peibagai peringkat bagi menambahkan ilmu pengetahuan.